



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA KPKT, PERKUKUH REFORMASI KEBERSIHAN AWAM

BANGI, 9 Oktober 2025 – Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia(World Environmental Day) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang berlangsung di Bangi Avenue Convention Centre, Bangi, Selangor pagi ini memperkukuhkan kebersihan dan kesihatan persekitaran selaras dengan reformasi kebersihan awam dibawah RMK-13.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming hari ini berkata SHKPS merupakan acara tahunan KPKT yang diadakan sejak tahun 2012 bagi mempromosi peranan dan sumbangan KPKT serta 156 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam penjagaan kebersihan dan kesihatan persekitaran, khasnya dalam penjagaan aspek pencegahan penyakit dan memelihara kesejahteraan komuniti di kawasan PBT.

Bertemakan **“Persekitaran Sejahtera, Masyarakat Harmoni, Negara MADANI”** SHKPS turut menjadi platform perkongsian ilmu dan inovasi terkini antara pegawai teknikal PBT dan para profesional dalam bidang kesihatan persekitaran yang memainkan peranan penting dalam memastikan kemampunan pembangunan, menjamin masa depan negara.

“Kesihatan persekitaran bukan sekadar isu kebersihan, tetapi ia mencerminkan kualiti hidup rakyat. Melalui kerjasama erat KPKT dan PBT, kita mampu mewujudkan persekitaran yang sejahtera, sekali gus membina masyarakat yang sihat dan negara yang bersih,” kata beliau pada ucapannya pagi ini.

SHKPS 2025 hari ini turut memberi pengiktirafan kepada PBT yang mencapai kecemerlangan melalui:

- i. Pelaksanaan kempen-kempen kesihatan persekitaran KPKT Tahun 2025; dan
- ii. PBT Cemerlang Penarafan Bintang Audit Teknikal (PBAT) Program Kesihatan Persekitaran Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bagi Tahun 2025.

SKHPS 2025 memperkukuh enam (6) sub program utama di bawah Kempen Kesihatan Persekitaran KPKT iaitu **Kempen Cegah Wabak Denggi, Kempen Membasmi Infestasi Tikus, Kempen Premis Makanan Bersih, Kempen Pasar Awam Bersih, Kempen Tandas Awam PBT Bersih “BMW” dan Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar.**

Bagi menyokong pelaksanaan kempen ini, **KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menyalurkan peruntukan RM5.367 juta kepada PBT** sepanjang tempoh RMK-12.

Peruntukan tahunan yang disalurkan adalah seperti berikut:

- Tahun 2021: RM1.248 juta
- Tahun 2022: RM1.0 juta
- Tahun 2023: RM1.049 juta
- Tahun 2024: RM1.21 juta
- Tahun 2025: RM0.860 juta

Penganjuran SHKPS 2025 membuktikan komitmen berterusan KPKT dalam memperkasakan peranan PBT sebagai barisan hadapan dalam penjagaan kesihatan persekitaran negara.

Usaha ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan persekitaran mampan dan berkualiti yang merangkumi prinsip “green environment” iaitu selamat, sihat, sejahtera dan lestari” demi kesejahteraan rakyat serta kelestarian alam sekitar.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T